

19 NOV 2002
Abdullah-Islam/I
ABDULLAH SEDIH ISLAM DIGUNAKAN

KUALA LUMPUR, 19 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini sedih kerana ada umat Islam menggunakan Islam untuk melakukan tindakan yang bukan berunsur Islam serta membawa kemusnahan sedangkan mereka seharusnya membawa imej Islam sebagai agama progresif.

Sebagai orang Islam dan Malaysia sebuah negara Islam, Timbalan Perdana Menteri berkata umat Islam tidak menerima, menyokong, mentoleransi atau berkompromi dengan penganas disebabkan ideologi, agama atau bangsa.

"Jadi, sama ada ia berasaskan etnik, agama atau ideologi kami menolak semua jenis keganasan, semua jenis ekstrimisme yang tidak terhad kepada umat Islam sahaja," katanya dalam temu bual dengan empat wartawan Asean dalam program "In Conversation" yang disiarkan oleh TV3 malam ini.

Abdullah ditanya mengenai keganasan oleh kumpulan Islam, ekstremisme dan parti pembangkang PAS, dakwaan kerajaan Malaysia tidak cukup Islam dan sekular.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata rakyat perlu diberi amaran mengenai mana-mana kumpulan yang menganjur sebarang bentuk ekstremisme atau agenda tidak berunsurkan Islam yang cuba membawa perubahan menerusi tindakan menyalahi undang-undang dan bercanggah dengan perlembagaan.

Beliau berkata kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka termasuk menggunakan undang-undang pencegahan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Sambil menolak dakwaan PAS bahawa kerajaan Malaysia adalah sekular, beliau berkata kerajaan telah memberi peranan kepada Islam dalam pembangunan negara dan langkah seperti itu tidak akan dibuat oleh sebuah kerajaan sekular.

"Kita berjaya memaparkan imej Islam kerana umat Islam di Malaysia bersedia berkongsi kuasa, kita mahukan keamanan dan kestabilan di negara ini.

"Kita mahukan Islam yang progresif, kita mahu menikmati hasil pembangunan dan dalam masa sama kita telah membuktikan kesanggupaan bertolak ansur, menghormati dan mengakui hak kaum lain mengamal agama masing-masing," katanya.

Abdullah yang telah diumumkan bakal menggantikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata beliau akan mengekalkan peranan Islam di Malaysia dan berharap umat Islam akan dapat mengukir imej baru yang lebih progresif, modern, sederhana tetapi tetap Islam.

Mengenai cabaran PAS dalam pilihan raya umum akan datang, Abdullah berkata akan memberi perhatian serius kepada parti pembangkang terbesar itu dan tidak akan mengambil mudah cabaran itu.

PAS katanya cuba memaparkan Islam dan sanggup mengeksploit ajaran Islam bagi meraih sokongan.

"Islam mempunyai pengaruh kuat di kalangan orang Melayu. Sebarang cubaan mengeksploitkan Islam boleh menimbulkan keadaan ekstrim di kalangan mereka dan ia juga bakal menimbulkan masalah kepada negara berbilang kaum seperti Malaysia dan saya tentu sekali memandang serius penentangan PAS terhadap Umno dan Barisan Nasional," katanya.

Kepada satu soalan, Abdullah berkata masalah perkauman boleh mengancam perpaduan kebangsaan dan mencetuskan ketidakstabilan yang merupakan satu perkara berbahaya dalam masyarakat berbilang kaum.

"Kita perlu memastikan Islam tidak dijadikan faktor memecahbelah dan

dibiarkan menjadi ancaman dan condong kepada ekstremisme dan digunakan oleh puak pengganas atau ekstremis. Kita perlu tegas menangani mereka," katanya.

Mengenai ISA yang dikatakan bercanggah dengan hak asasi manusia, Timbalan Perdana Menteri berkata hak asasi manusia tidak harus sehingga membenarkan perbuatan yang boleh menimbulkan masalah kepada rakyat dan juga menyalahi undang-undang.

"Kita perlu mempertahankan undang-undang, Perlembagaan...ia sesuatu yang kita kongsi dan undang-undanglah yang menyediakan perimeter yang menguasai tindakan kita serta memberikan panduan," katanya.

Terhadap soalan mengenai Amerika Syarikat (AS) dan hubungan dua hala, Abdullah berkata walaupun kedua-dua buah negara mempunyai perbezaan dalam hal politik namun persahabatan tetap berkekalan dan hubungan dua hala terus kukuh.

Mengenai persetujuan Malaysia menjadi pangkalan Pusat Anti Keganasan Serantau yang dicadangkan oleh AS, beliau berkata Malaysia dipilih oleh AS kerana pengalamannya dalam menangani keganasan komunis.

Menyokong kenyataan Dr Mahathir mengenai perang menentang keganasan, beliau berkata usaha mengkaji puncanya adalah sangat penting dan ia perlu dilakukan dengan berhati-hati kerana ketidakadilan dan tindakan yang gopoh akan menimbulkan lebih banyak ketidakadilan.

"Jika ia dilakukan dengan memprofilkan Islam maka seluruh umat Islam akan marah termasuk mereka yang sederhana. Ia tidak ada kaitan dengan kemiskinan kerana umat Islam sudah lama miskin. Jika kemiskinan menjadi punca sudah tentu umat Islam bertindak lebih awal lagi ... mesti ada sebab-sebab yang lain," katanya.

Selain daripada Islam dan keganasan, Abdullah juga dihujani pelbagai topik soalan termasuk mengenai Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Majlis Keselamatan, Asean+3 dan globalisasi.

Malaysia berharap PBB memainkan peranan supaya negara anggota terutama kuasa-kuasa besar dan "negara kecil" mematuhi resolusinya.

Mengenai penstrukturan Majlis Keselamatan PBB, beliau berkata Malaysia telah lama mencadangkan langkah itu tetapi ia nampaknya sangat sukar untuk dicapai.

"Ia akan lebih bermakna jika kita dapat menjadikannya lebih demokratik di mana kita perlu belajar menghormati kehendak majoriti," tambahnya.

-- BERNAMA

HS AHH MOZ